

12 JUL 1999

MAHATHIR-DANAHARTA

PENYUSUNAN SEMULA TIDAK HARUS DIBUAT TERBURU-BURU, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 12 Julai (Bernama) -- Malaysia tidak akan terburu-buru menyusun semula sistem perbankannya bagi mengelakkan sebarang gangguan kepada sistem tersebut, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

"Penyusunan semula bank tidak harus dilakukan secara terburu-buru kerana ia boleh mengganggu sistem, kami mesti melakukannya secara beransur-ansur dan tanpa terburu-buru, kami masih ada banyak masa," katanya apabila mengulas tentang penyusunan semula bank Malaysia.

Dalam satu wawancara dengan pengendali rancangan CNBC Asia, Rico Hizon dalam segmen "Asia Market Wrap" rangkaian tersebut di sini, Dr Mahathir memberi ingatan bahawa proses penyusunan semula bank dan korporat mungkin gagal jika dibuat terburu-buru.

Perdana Menteri juga membidas penganalisis asing yang berterusan memperkecilkan Malaysia walaupun ia telah berusaha menyusun semula bank dan korporat serta memulihkan ekonomi.

Apabila diberitahu bahawa beberapa penganalisis menuduh kerajaan Malaysia sebagai menggalakkan institusi kewangan supaya terus memberi hutang kepada syarikat dan memulakan proses pemusnahan yang kreatif, beliau berkata:

"Penganalisis-penganalisis ini sentiasa mengatakan perkara-perkara yang negatif tentang apa yang kami lakukan, dan mereka akan terus berbuat demikian, tetapi apa yang penting bagi kami ialah melihat apa yang terjadi kepada perangkaan yang menunjukkan sama ada ekonomi dan bank-bank menunjukkan prestasi yang baik.

Dan perangkaan-perangkaan ini menceritakan perkara yang menggalakkan di mana penyusunan semula sistem perbankan Malaysia, khususnya pembelian pinjaman tidak berbayar berjalan lancar.

Ini terbukti melalui Pengurusan Danaharta Nasional, syarikat pengurusan aset, yang telah membeli lebih NPL bernilai lebih AS\$6 bilion dan Danamodal Nasional Bhd, jentera khas, yang telah menyuntik sejumlah AS\$1.7 bilion bagi mempermodalkan semula bank-bank yang lemah.

Danaharta baru sahaja bergerak ke peringkat seterusnya baru-baru ini untuk membeli NPL dan ia sedang dalam proses menjual kumpulan pertama aset pinjaman luar negara bukan ringgitnya berjumlah AS\$142.82 juta (RM542.716 juta) melalui tender terhad.

Pengarah urusan Danaharta Azman Yahya baru-baru ini memberitahu bahawa penjualan kumpulan pertama NPL dijangka selesai menjelang pertengahan Ogos manakala keseluruhan portfolio pinjaman akan diselesaikan tahun depan."

Perdana Menteri juga berkata undang-undang perbankan Malaysia jauh lebih maju daripada kebanyakan undang-undang perbankan di negara-negara lain.

"Jadi reformasi yang perlu dilakukan sebenarnya amat kecil, dan kami boleh melakukannya beransur-ansur," katanya, sambil menambah Malaysia mempunyai dana yang mencukupi untuk melaksanakan penyusunan semula bank dan hutang korporatnya.

Memandangkan adanya dana bagi penyusunan semula, Dr Mahathir berkata tiada keperluan bagi Malaysia untuk melaksanakan satu lagi tawaran bon.

"Pada masa ini, kami tidak begitu memerlukan lebih banyak dana, tiada keperluan bagi kami memasuk pasaran bon sekali lagi," katanya apabila ditanya sama ada Malaysia akan membuat satu lagi tawaran bon.

"Kami selesa dengan AS\$1 bilion (yang diperolehi di New York). Kami

sebenarnya tidak memerlukannya, kami mahu menguji pasaran untuk mengetahui apakah penarafan kami sebenarnya, dan adalah terbukti bahawa pasaran menyambut (dengan positif) tawaran kami.

"Kebetulan apabila kami melancarkan tawaran kami untuk menjual bon-bon kami, faktor-faktor tertentu menaikkan kadar, yang kenapa kami mengurangkan bon daripada rancangan AS\$2 bilion kepada AS\$1 bilion," katanya.

Dr Mahathir juga mempertikaikan laporan bahawa ekonomi-ekonomi serantau, yang tidak mengenakan kawalan modal selektif, menunjukkan kedudukan lebih baik daripada Malaysia, sambil menyatakan bahawa kedudukan sebenarnya tidak seperti laporan-laporan itu.

Misalnya, beliau menyebut ekonomi Thailand, yang, sungguhpun dilaporkan sedang pulih, terus menanggung pengangguran tinggi dengan banyak projek terhenti, satu senario amat berbeza daripada gambaran yang dibuat oleh Tabung Matawang Antarabangsa (IMF).

"Jadi saya mahu tahu dengan tepat apa yang berlaku, banyak bangunan kosong (di Thailand) dan berbagai-bagai lagi. Mari lihat gambaran sebenar, kemudian kita boleh buat perbandingan dengan yang kononnya sedang pulih dan apa yang berlaku di Malaysia," Perdana Menteri berkata.

Ditanya sama ada ekonomi-ekonomi Asia yang dilanda krisis masih di dalam rawatan rapi atau sama ada mereka telah menuju bilik pemulihan, katanya beliau fikir mereka sedang menuju pemulihan.

Bagaimanapun, beliau juga berkata mereka harus pulih dengan syarat tiada lagi serangan ke atas ekonomi-ekonomi.

Mengenai spekulator matawang dan sama ada mereka masih mengintai dan mencari peluang untuk sekali lagi memerangi matawang Asia, katanya "di bawah rejim (kewangan) sekarang, mereka masih berkemungkinan mengganggu seluruh ekonomi negara-negara berkenaan.

-- BERNAMA

MR KY MA